

Penyalahgunaan Daun Ketum

Isu penyalahgunaan daun ketum bukanlah isu yang baru didengar. Isu ini sudah lama muncul, terutama daun ini disalah guna oleh segelintir pelajar sekolah sebagai ubat penenang dengan merebus daun, dan meminumnya. Pokok ketum atau nama saintifiknya, *Mitragyna speciosa*, ialah sejenis tumbuhan yang berasal daripada famili *rubiacaceae* yang banyak terdapat di Afrika, utara dan tengah Semenanjung Malaysia, serta selatan Thailand.

MUZAFFAR SYAH MALLOW

Pensyarah Nisam Fakulti Sains dan Undang-undang
Universiti Sunway Selangor



Pada awalnya daun ketum digunakan untuk tujuan perubatan, tetapi kini banyak disalahgunakan sehingga memudaratkan kesihatan.

Daun ketum digunakan terutama dalam kalangan mereka yang sudah ketagih, seperti ketagihan dadah. Baru-baru ini, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kedah mengesan penjualan daun ketum dalam bentuk "snek". Proses penyediaan snek ini amat mudah, sama seperti proses pembuatan kerepek atau rempeyek yang dicelupnya dengan tepung, kemudian digoreng sehingga rangup sebelum dimakan seperti snek biasa.

Berdasarkan pendedahan terbaharu ini, orang ramai mula khatir, khususnya ibu bapa, sekiranya anak mereka membeli serta menikmati snek tersebut sehingga ketagih. Penyalahgunaan daun ketum, jika tidak dibendung dari sekarang, mampu membawa kemudaratan kepada orang ramai, terutama golongan muda yang mudah ketagih. Berdasarkan beberapa penyelidikan, air rebusan daun ketum dikatakan mampu menjejaskan sistem saraf pusat manusia dan menyebabkan ketagihan melampau kerana mengandungi "mitraginin" yang tahap ketagihannya sama

teruk dengan dadah jenis morfin. Mitraginin disenaraikan dalam Jadual Ketiga Racun Ordinan Racun 1952 Peraturan-peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989. Oleh itu, pokok ketum diisytiharkan sebagai bahan larangan mulai Januari 2003.

Menurut beberapa pendapat juga, pengambilan air ketum secara berpanjangan mampu mengundang maut kerana mengikut kajian, sejenis getah yang terdapat pada daun ketum dikatakan mampu mendatangkan kerosakan pada sistem saraf tubuh badan manusia.

Daun ketum sudah lama digunakan sebagai bahan perubatan tradisional sebagai minuman pemulih tenaga bagi kaum wanita yang baru lepas bersalin serta penawar terhadap beberapa jenis penyakit ringan. Walaupun mempunyai potensi sebagai bahan perubatan tradisional, daun ketum disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan mula dijual secara meluas kepada orang ramai, terutama golongan muda bawah umur kerana dikatakan mempunyai kesan yang hampir sama

dengan dadah yang memabukkan serta menyebabkan ketagihan.

Pelbagai pendapat dikeluarkan oleh pakar perubatan tentang kesan buruk penyalahgunaan daun ketum, seperti menyusutkan berat badan, masalah tidur, anoreksia, penghidratan, sembelit, kesan lebam dan terbakar pada muka, kemurungan, gangguan sistem saraf badan, serta masalah jantung. Oleh itu, langkah tegas harus diambil bagi memastikan isu penyalahgunaan daun ketum tidak berterusan berlaku di negara ini.

Pelbagai langkah dapat dipertimbangkan untuk membendung isu ini daripada terus berlaku serta menjadi serius sehingga berada di luar kawalan, seperti melalui proses pendidikan dengan memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya yang menimpa diri mereka sekiranya menyalahgunakan daun ketum.

Aspek pemantauan bagi mencegah penyalahgunaan daun ketum dibuat oleh penguat kuasa tempatan, terutama polis serta orang ramai bagi memastikan tiada pihak yang mengambil peluang untuk menyalahgunakan daun ketum, untuk tujuan peribadi dan mengaut keuntungan.

Undang-undang sedia ada di negara ini dapat digunakan bagi mengawal selia isu penyalahgunaan daun ketum, seperti yang termaktub di bawah seksyen 30 (3) Akta Racun 1952 (Akta 366). Di bawah seksyen 30 (3) Akta 366, mereka yang memiliki air dan daun ketum boleh dikenakan hukuman mengikut seksyen 30 (5) akta yang sama dengan denda tidak lebih RM10 ribu atau tidak melebihi empat tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Pada masa ini, tindakan yang dikenakan terhadap seseorang individu yang terlibat dalam aktiviti menanam, memproses, dan menjual daun ketum terhad kerana mereka hanya boleh ditahan di bawah seksyen 30 (3) Akta 366 berkenaan. Kebanyakan individu yang terlibat juga,



Rebusan air daun ketum boleh menyebabkan khayal dan ketagihan.

Kebanyakan individu yang terlibat juga, walaupun didakwa di mahkamah, boleh bebas dengan hanya dikenakan tindakan denda. Berdasarkan faktor ini serta faktor lain, terdapat juga cadangan bagi memasukkan isu penyalahgunaan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) supaya isu penyalahgunaan daun ketum dalam negara ini mendapat perhatian yang lebih serius daripada semua pihak.

walaupun didakwa di mahkamah, boleh bebas dengan hanya dikenakan tindakan denda. Berdasarkan faktor ini serta faktor lain, terdapat juga cadangan bagi memasukkan isu penyalahgunaan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) supaya isu penyalahgunaan daun ketum dalam negara ini mendapat perhatian yang lebih serius daripada semua pihak.

Dengan meletakkan isu penyalahgunaan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), hal ini akan membolehkan tindakan undang-undang yang lebih ketat dikenakan terhadap pesalah yang menyalahgunakan daun ketum. Kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang minuman air daun ketum sama, seperti penyalahgunaan dadah dan penjualan air daun ketum, sama seperti mengedar dadah. Cadangan tersebut, walaupun nampak tegas, perlulah diperhalus dengan telitinya kerana sebarang sasaran melalui proses perundangan haruslah dibuat bagi mengekang isu penyalahgunaan daun ketum, bukan menyasarkan penggunaan daun ketum yang dibuat untuk tujuan perubatan.

Pada masa yang sama, disarankan kajian yang lebih mendalam dibuat untuk mengetahui kebaikan yang dibawa oleh daun ketum sebagai sumber perubatan. Negara ini juga boleh mempertimbangkan kewujudan akta khusus yang berkaitan dengan daun ketum supaya isu penyalahgunaannya, penggunaannya dari sudut yang dibenarkan terutama dalam bidang perubatan, serta pengawalan penanaman daun berkenaan dapat dibuat dengan lebih jelas dan teratur.

Negara ini patut mencontohi langkah yang diambil Thailand yang sudah lama mewujudkan peraturan khusus bagi mengatasi isu berkaitan dengan daun ketum dengan meluluskan Akta Ketum 2486 yang berkuat kuasa 3 Ogos 1943, yang menjadikan penanaman daun ketum itu sebagai kesalahan. Walau apa-apa pun cadangan yang ingin dikemukakan, negara ini perlu mengambil langkah tegas dan drastik dengan merangka undang-undang yang lebih ketat yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah serta penyalahgunaan bahan tertentu yang mempunyai kesan yang hampir sama dengan penyalahgunaan dadah, seperti daun ketum, supaya masyarakat terutama, kalangan generasi muda, tidak terjebak. **DM**